

Kawal pencari untung

Hadkan pembelian unit kediaman pada individu semasa jualan prapelanca

Oleh Syarifah Dayana Syed Bakri

dayana@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Pemaju perumahan dinasihatkan untuk mengehakkan pembelian unit kediaman bagi setiap individu terutama ketika jualan prapelanca untuk mengekang kenaikan harga rumah yang melampau.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Abdul Wahid Omar berkata, terdapat beberapa kes yang berlaku di mana individu dibenarkan membeli lebih dari satu unit kediaman ketika jualan prapelanca sedangkan mereka tidak berhasrat menatap di unit yang dibeli itu.

“Mengikut kefahaman saya, terdapat individu yang membeli lebih dari satu unit kediaman, namun ia hanyalah semata-mata untuk tujuan pelaburan dan mereka tidak berniat untuk menatap di lokasi berkenaan.

“Ini kerana mereka berhasrat untuk menjual semula unit yang dibeli itu pada harga lebih tinggi,”



FAKTA
Ada projek perumahan hanya catat 20% kadar pendudukan

ABDUL Wahid (dua dari kanan) bersama Dr Zeti (dua dari kiri), Pengerusi Cagamas Holdings Bhd Datuk Ooi Sang Kuang (ka dan Ketua Pegawai Operasi Cagamas Holdings Chung Chee Leong di pelancon Penerbitan Ulang Tahun ke-25 Cagamas.

katanya selepas pelancon Penerbitan

Ulang Tahun ke-25

Cagamas berjudul Perumahan Negara: Dasar, Isu dan Prospek, di sini, semalam.

Hadir sama, Gabenor Bank Negara Malaysia Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

Menurutnya, terdapat beberapa projek kediaman yang hanya mencatatkan 20 peratus kadar pendudukan selepas projek berkenaan siap sepenuhnya

memandangkan kebanyakan pemilik unit lain masih menanti pembeli baru.

Abdul Wahid berkata, kerajaan tidak mahu terlalu mengawal rentak pemaju memandangkan ia adalah pasaran bebas, namun menasihati mereka supaya tidak terlalu mengejar keuntungan.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) Datuk Seri Michael Yam berkata, tidak semua pemaju gemar me-

nawarkan pembelian lebih dari satu unit untuk individu kerana ia akan membabitkan potongan harga.

“Kebanyakan individu yang membuat keputusan untuk membeli lebih dari satu unit adalah kerana diskaun. Namun, sekiranya produk yang ditawarkan itu mendapat sambutan baik, tidak ada alasan untuk mereka menjual kepada individu yang sama.

“Malah, pembelian unit oleh individu yang sama

akan mengurangkan sari data pembeli baru secara tidak langsung rugikan pemaju,” kata

Menurutnya, kaedah lan prapelanca juga lah sebahagian dari usaha menguji pasaran untuk melihat sambutan pembeli ke atas projek mer

“Kami akan melihat kara ini dan meneta beberapa spesifikasi menai kaedah menguji pa ke atas pemaju yang dibolehkan dan dia keterlaluan,” katanya.